


A decorative vertical bar on the left side of the page, consisting of a light blue gradient bar and a thin blue line.

STATUS TINDAKAN BAGI ISU YANG DILAPORKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

- KEDUDUKAN SETAKAT 30 JUN 2022

Decorative geometric shapes at the bottom of the page, including a large blue triangle and a light blue trapezoid.

STATUS TINDAKAN BAGI ISU YANG DILAPORKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

- KEDUDUKAN SETAKAT 30 JUN 2022

1.1. Jabatan Audit Negara komited membantu syarikat Kerajaan Persekutuan dengan memantau kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Sistem Auditor General's Dashboard (AGD) telah dibangunkan bagi memaparkan isu dan status tindakan terkini terhadap isu yang dilaporkan. Kaedah ini berjaya membantu syarikat Kerajaan Persekutuan menyalurkan maklumat dengan lebih cepat mengenai tindakan penambahbaikan yang sedang/telah diambil dengan mengemas kini maklum balas secara dalam talian. Hal ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam melaporkan kedudukan terkini isu LKAN serta tindakan yang diambil untuk makluman semua pemegang taruh dan pihak awam.

1.2. Sejak tahun 2012, status tindakan bagi isu LKAN dipaparkan melalui sistem AGD. Paparan secara dalam talian ini menjadi pencetus bagi mempercepatkan susulan dan penyelesaian isu Audit yang dibangkitkan dalam LKAN. Usaha ini sekaligus dapat memperbaiki prestasi tadbir urus penyampaian sektor awam secara keseluruhannya.

1.3. Portal AGD juga boleh diakses oleh semua pihak termasuk orang awam untuk mengetahui **status tindakan bagi isu LKAN secara masa nyata (real time)**. Setiap isu dikategorikan mengikut tiga warna ikon (traffic light icons) iaitu **Merah (tiada maklum balas atau maklum balas tidak menjawab isu yang dibangkitkan), Kuning (dalam tindakan) dan Hijau (tindakan telah selesai diambil)**. Maklumat mengenai status tindakan terhadap isu yang dipaparkan juga boleh digunakan sebagai panduan kepada syarikat Kerajaan Persekutuan yang lain untuk mengelakkan kelemahan yang sama berulang.

1.4. Susulan yang dilaksanakan adalah berdasarkan piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh The International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI). Perenggan 42, International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 300 menyatakan "*Auditors should follow up previous audit findings and recommendations wherever appropriate. Follow-up should be reported appropriately in order to provide feedback to the legislature together, if possible, with the conclusions and impacts of all relevant corrective actions.*"

1.5. Pelaporan mengenai status susulan melalui AGD dalam LKAN mulai LKAN Tahun 2021 Siri 1 adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 9(8), Akta Audit 1957 [Akta 62] memperuntukkan seperti yang berikut:

"walau apa pun peruntukan seksyen ini, Ketua Audit Negara boleh pada bila-bila masa mengemukakan laporan kepada Yang di-Pertuan Agong mengenai apa-apa perkara yang berbangkit daripada pelaksanaan mana-mana tugasnya atau penjalanan mana-mana kuasanya di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan boleh mengemukakan satu salinan mana-mana laporan sedemikian kepada Raja atau Yang di-Pertua Negeri sesuatu Negeri atau kepada seseorang Menteri."

1.6. Setakat 30 Jun 2022, susulan Audit telah dilaksanakan terhadap 124 syarikat Kerajaan Persekutuan di bawah kementerian pengawal yang berkenaan. Liputan susulan terhadap isu Audit yang dilaporkan mengikut kementerian pengawal dalam LKAN Tahun 2011 hingga 2020 Siri 1 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
LIPUTAN SUSULAN TERHADAP ISU AUDIT BERKAITAN
SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PENGAWAL


BIL.	KEMENTERIAN	SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN (Bilangan Diaudit)	SUSULAN AUDIT (Bilangan Isu Disusul)
1.	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	11	111
2.	Kementerian Kewangan (MOF)	37	233
3.	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)	1	16
4.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)	9	91
5.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)	23	186
6.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)	1	1
7.	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	2	21
8.	Kementerian Kerja Raya (KKR)	2	26
9.	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)	9	59
10.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	4	57
11.	Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)	2	16
12.	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA)	1	19
13.	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	2	20
14.	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	2	28
15.	Kementerian Sumber Manusia (KSM)	3	27
16.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM)	2	9
17.	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	2	13
18.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	11	127
JUMLAH		124	1,060

Sumber: Data dijana daripada Sistem AGD pada 30 Jun 2022

1.7. Liputan susulan Audit terhadap isu yang dilaporkan dalam LKAN Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan secara relatifnya tertinggi di peringkat Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Perdana Menteri. Perkara ini berikutan syarikat berkaitan dengan kerajaan mengikut bilangan adalah tertinggi di bawah kawal selia kementerian/jabatan yang berkenaan.


1.8. Setakat 30 Jun 2022, terdapat 1,060 isu telah dibangkitkan dalam LKAN Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2011 hingga 2020 Siri 1. Sebanyak 965 isu (91%) daripada keseluruhan isu tersebut telah selesai manakala 95 isu (9%) masih dalam tindakan. Isu yang masih dalam tindakan adalah melibatkan LKAN Tahun 2016 hingga 2020. Bilangan isu tertinggi adalah bagi LKAN Tahun 2020 iaitu sebanyak 49 isu. Selain itu, satu isu dalam tindakan bagi LKAN Tahun 2016 yang dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai 2017 adalah melibatkan Kementerian Pengajian Tinggi. Ringkasan adalah seperti dalam **Carta 1** dan **Carta 2** serta **Jadual 2**. Butiran terperinci dan kedudukan terkini bagi isu yang berstatus dalam tindakan bagi LKAN Tahun 2016 hingga 2020 boleh diakses melalui sistem AGD menggunakan *QR Code* seperti dalam **Jadual 2**.

CARTA 1
STATUS TINDAKAN ISU LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2011 HINGGA 2020 SIRI 1 SETAKAT 30 JUN 2022



Sumber: Data dijana daripada Sistem AGD pada 30 Jun 2022

CARTA 2
STATUS TINDAKAN TERHADAP ISU YANG DIBANGKITKAN
MENGIKUT KEMENTERIAN SETAKAT 30 JUN 2022



Sumber: Data dijana daripada Sistem AGD pada 30 Jun 2022

Nota: Statistik yang dipaparkan berdasarkan syarikat Kerajaan Persekutuan di bawah kementerian pengawal berkenaan pada tahun diaudit

JADUAL 2
STATISTIK BILANGAN ISU BERSTATUS DALAM TINDAKAN
MENGIKUT TAHUN LKAN SETAKAT 30 JUN 2022



Sumber: Data dijana daripada Sistem AGD pada 30 Jun 2022

Nota: Data yang dipaparkan semasa semakan melalui *QR Code* adalah data pada masa ia diakses (data masa nyata)

1.9. Syarikat Kerajaan Persekutuan adalah disyorkan untuk terus komited melaksanakan tindakan penambahbaikan. Jabatan Audit Negara berperanan untuk menyusul isu yang belum selesai sehingga tindakan korektif dan penambahbaikan diambil. Status bagi tindakan tersebut dipaparkan melalui portal AGD.